

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15 July 2015

# Najib lancar Perbadanan Wakaf Nasional

**PUTRAJAYA 14 Julai** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) dan Program Wakaf Korporat.

Menurut beliau, PWNB yang merupakan syarikat subsidiari milik penuh Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) diamanahkan untuk menjadi pelaksana kepada Program Wakaf Korporat itu.

Katanya, Program Wakaf Korporat pula merupakan skim wakaf yang disumbangkan pelbagai pihak dan diuruskan oleh badan yang diiktiraf sah oleh majlis-majlis agama Islam negeri.

"PWNB akan mengenal pasti dan melaksanakan pembelian atau pembangunan projek manakala Yayasan Wakaf akan menyalurkan dana bagi membiayai projek tersebut.

"Dengan penglibatan pelba-

gai pihak dalam usaha kerajaan ini termasuk sektor korporat dan masyarakat, Program Wakaf Korporat dilihat mampu mewujudkan sebuah ekosistem hasil yang mampan," katanya selepas memengerusikan mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) di sini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar serta Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Najib berkata, agenda pembangunan wakaf itu turut dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Jelasnya, Yayasan Wakaf Malaysia bersama majlis-majlis agama Islam negeri dan institusi berasaskan

bumiputera yang lain akan bekerjasama untuk membangunkan sektor hartanah dan tanah wakaf.

Perdana Menteri berharap, dengan adanya program itu tahap sosioekonomi dapat ditingkatkan melalui penyediaan peluang perniagaan dan pekerjaan.

"Insya-Allah kita juga akan dapat melihat peningkatan pemilikan ekuiti dalam kalangan bumiputera dan fasiliti-fasiliti seperti hospital, rumah kediaman dan lain-lain dapat dibina untuk manfaat seluruh rakyat Malaysia," katanya.

Pada mesyuarat MEB bulan Januari lalu, peruntukan sebanyak RM50 juta kepada YWM telah disalurkan sebagai dana permulaan bagi melaksanakan Program Wakaf Korporat bagi tempoh pelaksanaan selama lima tahun bermula tahun ini hingga 2019.

um - 15/7/2015